

AL-KAFI #1346: BOLEHKAH HAIWAN KASI DIJADIKAN KORBAN



Soalan

Assalamualaikum SS Mufti. Bolehkah haiwan yang telah dikasi, dijadikan sebagai haiwan korban?

Jawapan

Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Illahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Takrif Kasi

Menurut Kamus Dewan Bahasa, kasi bermaksud sudah dihilangkan alat jantannya atau tidak ada sifat jantannya lagi. Perbuatan mengasi bermaksud menghilangkan alat jantannya. Perkataan lain yang memiliki maksud yang hampir sama ialah kembiri. Ia juga bermaksud tidak ada jantannya atau sifat kejantanannya, atau sudah dihilangkan jantannya. Mengembiri

merupakan perbuatan seseorang menghilangkan (membuang) alat jantannya. (Lihat *Kamus Dewan Edisi Keempat*)

Kasi atau *castrate* dalam istilah perubatan ialah merujuk kepada perbuatan membuang testis. Dalam istilah arab, ia disebut (???????) iaitu penghapusan fungsi alat jantina manusia atau haiwan (lelaki/jantan).

Menurut Wikipedia, pengembirian atau pengasian (*castration*) adalah tindakan bedah dan atau menggunakan bahan kimia yang bertujuan untuk menghilangkan fungsi testis pada jantan atau fungsi ovarium pada betina. Pengembirian dapat dilakukan baik pada haiwan ataupun manusia. (Lihat *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*)

Kembiri atau kasi kambing adalah satu proses dimana testis kambing jantan dibuang untuk menjadikan kambing tersebut sesuai menjadi kambing pedaging. Apabila testis pada zakar kambing jantan ini dibuang maka kambing tersebut tidak dapat mengawan di mana ianya akan menjadi lebih gemuk akibat kurang aktif untuk mengawan. (Lihat *Kembiri Kambing (Kasi)* oleh Mohd Anim Hosnan)

Pada asasnya, para ulama' mazhab Syafi'e membolehkan mengasi haiwan yang halal dimakan ketika haiwan tersebut masih kecil, dan mengharamkannya ketika haiwan tersebut sudah besar. Imam Nawawi menukilkan pendapat Imam Baghawi yang menyebut: "*Haram mengasi semua haiwan yang tidak boleh dimakan. Adapun haiwan yang boleh dimakan maka boleh mengasinya ketika masih kecil, dan haram ketika sudah besar.*" (Lihat ***al-Minhaj fi Syarh Sahih Muslim***, 9/117)

Ulama' Hanabilah membolehkan pengembirian binatang ternakan kerana ia akan mengelokkan (menggempukkan) dagingnya, dan memakruhkan mengasi binatang yang tidak halal kerana tidak ada manfaatnya dan menyakiti mereka. Begitu juga para ulama' Hanafiyah dan Malikiyyah juga membolehkan pengembirian pada haiwan ternakan yang halal dimakan. (Lihat ***al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah***, 19/122)

Bolehkah Haiwan Kasi Dijadikan Haiwan Korban?

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, beliau berkata:

????? ?????????? ?????? ?????????? ????? ?????????? ?????????? ??????
?????? ?????????? ?????? ?????????????? ? ?????????? ??????????????
????????????????? ? ?????????????????? ? ?????????????????? ? ??????????????????
??????????????????

Maksudnya: "Bahawa apabila Rasulullah SAW hendak melaksanakan qurban, maka Baginda membeli dua ekor kibasy yang besar, gemuk, bertanduk dan berwarna belang (hitam dan

putih), yang **dikasi**.”

Riwayat Ibn Majah (3122), Ahmad (25046) dan al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (18827) dan Syu'ab al-Iman (1486)

Manakala dalam lafaz yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah R.A, beliau berkata:

?????? ?????????????? ??? ????? ????? ????????? ??????????????
???????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????????

Maksudnya: Nabi SAW pada hari Korban menyembelih dua ekor kambing yang bertanduk, hitam putih bulunya, dan **dikasi**.”

Riwayat Abu Daud (2795)

Imam al-Khattabi Rahimahullah berkata: “Sebahagian ulama’ memakruhkan haiwan yang dikasi kerana kekurangan anggotanya. **Yang sah, ia tidaklah makruh**. Ini kerana pengasian (*castration*) akan memberikan manfaat pada dagingnya (menjadi enak/gemuk), dapat menghilangkan lemak serta bau busuk haiwan. Anggota tersebut juga bukan anggota yang dimakan.” (Lihat **Syarh al-Sunnah**, 4/335. Pendapat ini juga dinukilkan oleh Al-Hafiz Ibn Hajar dalam **Fath al-Bari**, 10/10)

Imam Nawawi berkata: “Diharuskan (binatang korban) sama ada jantan, betina atau yang dikasi.” (Lihat **Minhaj al-Talibin**, 320)

Al-Bujairimi juga menyebut bahawa dibolehkan haiwan korban daripada binatang ternakan seperti unta, lembu, kambing sama ada betina atau jantan walaupun yang dikasi. (Lihat **Hasyiyah al-Bujairimi ‘ala Syarh al-Manhaj**, 4/397)

Dr Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya menyebut: “Para ulama bersepakat bahawa korban tidak dibolehkan kecuali dengan binatang ternakan iaitu: Unta, lembu (termasuk kerbau), biri-biri (termasuk kambing) dengan segala jenisnya mencakupi yang jantan atau betina, sama ada **yang dikasi** atau yang tidak dikasi (pejantan). (Lihat **al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh**, 4/259)

Kesimpulan

Berdasarkan kepada apa yang dinyatakan di atas, haiwan atau ternakan yang telah dikasi adalah boleh dan sah untuk dibuat korban atau akikah. Ia tidaklah termasuk dalam kecacatan yang menghalang sahnya sesuatu haiwan untuk dijadikan korban.

Semoga Allah SWT menerima ibadah korban yang kita lakukan dan mengurniakan kita ilmu dan kefahaman dalam melaksanakan setiap titah perintah-Nya. Amin.

Source: FATWA TERKINI DARI PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN